



Unit 1: Surah al-Kahfi, Ayat 101 – 106

الَّذِينَ كَانُوا أَعْيُنُهُمْ فِي غِطَاءٍ عَنْ ذِكْرِي وَكَانُوا لَا يَسْتَطِيعُونَ سَمْعًا ۝ أَفَحِسِبَ الَّذِينَ
كَفَرُوا أَنْ يَتَخِذُوا عِبَادِي مِنْ دُونِي أُولَئِكَ إِنَّا أَعْتَدْنَا جَهَنَّمَ لِلْكُفَّارِينَ نُرْلَا ۝ قُلْ هَلْ
نُنَيْئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَلًا ۝ الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَخْسِبُونَ أَنَّهُمْ
يُخْسِنُونَ صُنْعًا ۝ أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِإِيمَانِ رَبِّهِمْ وَلِقَاءِهِ فَحِيطَثُ أَعْمَلَهُمْ فَلَا نُقِيمُ
لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَزَنَا ۝ ذَلِكَ جَزَاؤُهُمْ جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُوا وَاتَّخَذُوا أَعْيُنِي وَرُسُلِي هُرْلَا ۝

(Surah al-Kahfi: 101 – 106)

Maksudnya: “Orang yang matanya telah tertutup daripada melihat tanda-tanda yang membawa kepada mengingati-Ku dan mereka pula tidak dapat mendengar sama sekali. Maka adakah orang kafir menyangka bahawa mereka mengambil hamba-hamba-Ku sebagai makhluk yang disembah selain Aku dapat menolong mereka? Sesungguhnya Kami telah sediakan neraka Jahanam bagi orang kafir itu sebagai tempat tetamu. Katakanlah “Mahukah Kami khabarkan kepada kamu akan orang yang rugi amal-amal perbuatannya? Orang yang sia-sia usahanya dalam kehidupan dunia ini sedangkan mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul pada apa yang dilakukan oleh mereka. Merekalah orang yang ingkar akan ayat-ayat Tuhan mereka dan pertemuan dengan-Nya maka gugurlah amal-amal mereka, maka Kami tidak akan memberi timbangan untuk menilai amal mereka, pada hari kiamat kelak. Demikianlah, balasan mereka ialah neraka Jahanam, disebabkan mereka ingkar dan mereka menjadikan ayat-ayat-Ku dan rasul-rasul-Ku sebagai ejek-ejekan”.



Unit 2: Surah al-Kahfi, Ayat 107 – 110

إِنَّ الَّذِينَ ءامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَانُوا لَهُمْ جَنَاحُ الْفِرْدَوْسِ نُرْلَا ۝ حَلِيدِينَ فِيهَا لَا يَبْغُونَ
عَنْهَا حَوْلًا ۝ قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مَدَادًا لِكَلْمَتِ رَبِّي لَتَفَدَّ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنْفَدَ كَلْمَتُ رَبِّي وَلَوْ
جَئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَادًا ۝ قُلْ إِنَّمَا أَنَّا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ يُوَحِّي إِلَى أَنَّمَا إِنْهُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَمَنْ كَانَ
يَرْجُوا إِيقَاءَ رَبِّهِ فَلَيُعَمَّلْ عَمَلًا صَلِحًا وَلَا يُشْرِكُ بِعِبَادَةَ رَبِّهِ أَحَدًا ۝

(Surah al-Kahfi: 107 – 110)

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, disediakan bagi mereka syurga-syurga Firdaus, sebagai tempat tetamu. Mereka kekal di dalamnya, dan mereka tidak ingin berpindah daripadanya. Katakanlah “kalau semua jenis lautan menjadi tinta (dakwat) untuk menulis kalimah-kalimah Tuhanmu, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanmu, walaupun Kami tambahkan lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan.” Katakanlah “Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu? Maka sesiapa yang berharap akan bertemu Tuhanmu, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia memperseketukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhanmu.”